

Kontrak Hadapan Emas Terus Susut Tengah Hari Ini
Bernamea
27 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Kontrak hadapan emas di Bursa Malaysia Derivatives masih berada dalam arah aliran menyusut tengah hari Khamis kerana kekurangan sokongan belian.

Pada waktu rehat tengah hari, kontrak bulan semerta, Mac 2014, turun 26 mata asas kepada RM138.15 segram, April 2014 susut 24 mata asas kepada RM138.50 segram, Mei 2014 jatuh 27 asas kepada RM138.65 segram manakala Jun 2014 berakhir 23 mata asas lebih rendah pada RM139.20 segram.

Kontrak diurus niaga berjumlah 46 lot manakala kepentingan terbuka berjumlah 1,065 kontrak.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025320>